



**KETIBAAN...** Tun Juhar diiringi Muhamad (empat kanan) bersalaman dengan hadirin sejeurus tiba di perkarangan Pusat Islam UMS.



**RASMI...** Tun Juhar menurunkan tandatangan pada plak sebagai tanda perasmian Pusat Islam UMS sambil diperhatikan Toh Puan Norlidah (dua kanan).

# PIUMS mampu beri kemudahan rujukan ilmiah dan pusat dakwah

NST 6.6.2018 f

**KOTA KINABALU:** Pembinaan Bangunan Pusat Islam Universiti Malaysia Sabah (PIUMS) mampu memberi kemudahan rujukan ilmiah serta pusat kegiatan dakwah kepada para pelajar, kakitangan Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan masyarakat sekitar.

Pengarah PIUMS, Dr. Muhamad Suhaimi Taat berkata, bangunan baharu yang siap pada Mei itu mula dibina pad 24 Oktober 2016 dengan kos pembinaan sebanyak RM4.7 juta melalui peruntukan persekutuan yang disalurkan melalui Kementerian Pengajian Tinggi.

Tambah beliau, bangunan dua tingkat berkeluasan 6,280 meter persegi berkenaan menempatkan Pejabat Pentadbiran PIUMS di tingkat satu manakala bahagian bawah menempatkan dua bilik seminar yang boleh menempatkan 300 orang pada satu masa.

Kemudahan lain katanya dua bilik kuliah, satu perpustakaan mini, satu kedai mini, satu bilik galeri dan satu bilik mesyuarat eksekutif selain kemudahan pantri dan tandas awam.

"Bangunan baharu ini mampu menjadi

pusat rujukan akademik selain menjadi penggerak kepada penganjuran aktiviti keagamaan dengan lebih kondusif dan berskala besar," jelas beliau ketika menyampaikan taklimat kepada Yang Dipertua Negeri, Tun Dr. Juhar Datuk Mahiruddin dan Toh Puan Norlidah R.M. Jasni di sini, pada Isnin.

Tun Juhar yang merasmikan bangunan tersebut, diiringi Ketua Menteri, Datuk Seri Mohd Shafie Apdal pada majlis berbuka puasa dan solat sunat tarawih di Masjid UMS.

Pada majlis tersebut, Tun Juhar juga menyaksikan penyerahan sumbangan zakat berjumlah RM16 ribu dari Pusat Zakat Sabah kepada pelajar dan kakitangan UMS yang layak.

Turut hadir, isteri Ketua Menteri, Datin Seri Shuryani Shuaib, Menteri Pelajaran dan Inovasi, Datuk Dr. Yusof Yacob, Setiausaha Persekutuan Sabah, Datuk Nor Rizan Mohd Thani, Naib Canselor UMS, Prof. Datuk Dr. D. Kamarudin, D Mudin, Mayor Bandaraya Kota Kinabalu, Datuk Yeo Boon Hai dan Ahli Parlimen Sepanggar, Datuk Azis Jamman.



**CENDERA KENANGAN...** D. Kamarudin (tiga kiri) menyampaikan cendera kenangan kepada Tun Juhar sambil disaksikan Yusof (dua kiri) dan Toh Puan Norlidah (tiga kanan) sejeurus majlis perasmian bangunan PIUMS.



**SUMBANGAN...** D. Kamarudin (dua kiri) menerima sumbangan zakat bagi pihak UMS daripada wakil Pusat Zakat Sabah sambil disaksikan Tun Juhar (tengah), Shafie (tiga kiri), Muhamad (kiri) dan Yusof (dua kanan).



**SAMPAIKAN...** Tun Juhar menyampaikan sumbangan zakat kepada salah seorang mahasiswa UMS sambil diperhatikan Shafie (kiri), Muhamad (dua kiri) dan Yusof (dua kanan).



**UNTUK MAHASISWI...** Toh Puan Norlidah menyampaikan sumbangan zakat kepada salah seorang mahasiswi sambil disaksikan Shuryani (kiri).